

## SOALAN LAZIM TENTANG DANA KANDUNGAN DIGITAL

### 1. Siapakah yang tidak layak memohon Dana Kandungan Digital 2023?

- A. Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan
- B. Badan Bukan Kerajaan\*,\*\*
- C. Pertubuhan Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO)
- D. Pertubuhan politik
- E. Persatuan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966\*,\*\*
- F. Individu/orang perseorangan TIDAK BERDAFTAR dengan SSM (sekurang-kurangnya pemilikan tunggal) atau Syarikat didaftar di bawah Kerajaan Negeri
- G. Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993
- H. Mana-mana entiti yang telah disenaraihitamkan oleh pihak Kerajaan
- I. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh MyCreative Ventures Sdn Bhd (“MYCV”)
- J. Permohonan yang telah menerima peruntukan/ bantuan kewangan daripada MyCV atau agensi-agensi Kerajaan dan sedang dalam fasa pelaksanaan projek;\*\* dan
- K. Permohonan yang tidak mempunyai komponen muzik yang jelas, termasuk yang mempermainkan isu-isu sensitiviti kaum, bangsa, politik dan agama
- L. Permohonan yang tidak dapat menunjukkan usaha yang jelas dalam memberi manfaat kepada artis atau penggiat muzik
- M. Permohonan yang khusus untuk tujuan akademik atau dibentangkan di bawah naungan sebuah sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya
- N. Permohonan bagi projek/acara yang sedang berlangsung atau telah tamat

\* *Layak memohon untuk Program Dana Kandungan Digital 2023 - Dana Pemasaran dan Promosi Antarabangsa*

\*\* *Layak memohon untuk Program Dana Kandungan Digital 2023 – Dana Irama Perpaduan*

### 2. Bagaimanakah anda boleh memohon Dana Kandungan Digital 2023?

Permohonan boleh dikemukakan secara dalam talian di pautan [www.mycreative.com.my/dkdmuzik\\_2023](http://www.mycreative.com.my/dkdmuzik_2023). Permohonan yang dibuat melepasi Tarikh Tutup atau permohonan yang dibuat secara manual (serahan tangan atau melalui emel) **TIDAK** akan diterima

**SOALAN LAZIM TENTANG DANA KANDUNGAN DIGITAL**

**3. Bagaimanakah permohonan anda akan dinilai?**

Permohonan akan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan tetapi tidak terhad, antaranya seperti berikut:

**A. Merit Kesempurnaan Kertas Kerja dan Cadangan Projek**

- a. Projek yang asli, kreatif dan inovatif
- b. Projek yang dicadangkan telah dijelaskan dengan teliti
- c. Kertas Kerja bersama Dokumen yang lengkap
- d. Projek harus menunjukkan keberhasilan dan keuntungan dari pemasaran

**B. Sumbangan dan Impak kepada industri muzik di Malaysia**

- a. Penajaan Tenaga Kerja kepada industri
- b. Pewujudan peluang kerja baru kepada penggiat-penggiat industri
- c. Projek yang dicadangkan dapat diperluaskan aksesnya kepada pendengar di Malaysia dan luar negara
- d. Penggunaan teknologi baru dalam pembikinan projek

**C. Kompetensi Pemohon**

- a. Pemohon mempunyai rekod projek/kerja masa lalu yang mencukupi sekurang-kurangnya 3 tahun
- b. Pemohon menunjukkan pencapaian masa lalu yang signifikan atau telah mendapat pengiktirafan dalam industri muzik Malaysia

**D. Pengurusan Projek**

- a. Pemohon harus menunjukkan bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk menyelesaikan projek yang dicadangkan
- b. Pemohon harus menyediakan perincian bajet, jadual dan rancangan pemasaran serta promosi

**SOALAN LAZIM TENTANG DANA KANDUNGAN DIGITAL**

**4. Apakah yang akan menjejaskan peluang permohonan anda?**

Permohonan yang tidak mempunyai dokumen-dokumen yang lengkap tidak akan dinilai

Antara dokumen yang harus dikemukakan:

**A. Dokumen peribadi**

- a. Salinan Kad Pengenalan (IC) - salinan jelas kedua-dua imej belakang dan depan pada halaman A4 yang sama sisi (pemohon)
- b. Salinan Kad Pengenalan (IC) - salinan jelas kedua-dua imej belakang dan depan pada halaman A4 yang sama sisi (pemilik/Ahli Lembaga Pengarah Syarikat, jika pemohon bukan pemilik atau Ahli Lembaga Pengarah Syarikat)
- c. Salinan borang pendaftaran syarikat – seperti; Borang 9 (Borang SSM), Borang 24 atau 49, surat kebenaran (jika berkaitan)
- d. Penyata kewangan yang terkini yang menunjukkan informasi akaun syarikat yang didaftarkan

**B. Dokumen sokongan**

- a. Kertas cadangan projek
- b. Profil pemuzik (termasuk sejarah projek/kerja/pertunjukan, pencapaian lalu, pautan dan maklumat lain yang berkaitan)
- c. Bajet dan jadual projek (templat diberikan dalam borang permohonan)
- d. Profil/ CV/ Biografi untuk SEMUA artis/ kolaborator/ organisasi yang terlibat dalam projek (cth. produser, pengarah video muzik, penganjur acara, pemuzik dll, jika berkenaan)
- e. Sebarang bahan sokongan lain yang berkaitan dalam format digital (jika ada) iaitu imej visual, video, pautan web dan sebagainya
- f. Untuk projek rakaman, trek demo (satu untuk Single, tiga untuk EP / Album Penuh) yang dikemukakan dalam format MP3 (sekurang-kurangnya 128kbps) melalui pautan web (cth. Dropbox). Jika anda mengemukakan lebih banyak lagu daripada yang diperlukan, hanya 3 yang pertama akan diambil untuk penilaian. Trek demo harus mencerminkan instrumentasi/visi akhir setepat mungkin. Demo tidak perlu direkodkan secara profesional, hanya perlu jelas didengar
- g. Bagi pertandingan/persembahan/penjurian antarabangsa secara fizikal, bukti jemputan rasmi berbentuk surat atau emel diperlukan
- h. Untuk projek video, maklumat pra-produksi yang mencukupi (mis. skrip, papan cerita dan lain-lain)

Sebarang bahan sokongan atau contoh kerja yang berkaitan selain di atas boleh dikemukakan dalam format digital

## SOALAN LAZIM TENTANG DANA KANDUNGAN DIGITAL

### 5. Apa yang berlaku selepas permohonan dihantar?

#### TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan akan ditutup dan tiada permohonan baru diterima selepas tarikh yang ditetapkan.



#### PERINGKAT PERTAMA – SARINGAN KELAYAKAN

Semua permohonan akan disemak dan disaring. Hanya permohonan yang memenuhi kriteria kelayakan sahaja akan diproses.



#### PERINGKAT KEDUA – PENILAIAN (*PITCHING*) (Jawatankuasa Penilaian)

Permohonan yang melepasi peringkat saringan sahaja akan dijemput ke Sesi *Pitching*. Pemilihan akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian berdasarkan skor pemarkahan yang ditetapkan.



#### PERINGKAT KETIGA – KELULUSAN (Jawatankuasa Pelulus)

Permohonan yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian diangkat kepada Jawatankuasa Pelulus.



#### KEPUTUSAN PEMOHONAN

Keputusan dimaklum melalui emel kepada pemohon yang berjaya

*Sila rujuk kepada Lampiran 1 - Carta Alir Pengurusan Dana Kandungan Digital, untuk informasi yang lebih terperinci tentang proses Pengurusan Dana Kandungan Digital*

## SOALAN LAZIM TENTANG DANA KANDUNGAN DIGITAL

### 6. Apakah yang akan berlaku selepas permohonan dinilai?

#### A. Permohonan yang Berjaya

Permohonan yang berjaya akan dimaklumkan melalui emel rasmi.

#### B. Permohonan yang tidak berjaya

Permohonan yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui emel rasmi.

### 7. Apakah yang diharapkan daripada pemohon yang telah berjaya?

- A. Sentiasa berhubung dengan pihak Urusestia MYCV untuk berkongsi proses kemajuan projek atau sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam skop kerja yang dicadangkan
- B. Menyiapkan projek berdasarkan skop yang diluluskan
- C. Memasukkan jenama MYCV dan KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN DIGITAL (“KKD”) di semua platform komunikasi seperti logo MYCV dan KKD
- D. Memastikan semua bukti pembayaran, invois dan resit dan dokumen berkaitan pebelanjaan projek dikemukakan Urusetia MYCV. Kegagalan untuk menyediakan dokumen sokongan yang diperlukan boleh menjejaskan jumlah pembiayaan akhir

MYCV berhak membatalkan sebarang projek sekiranya:

- A. Membuat perubahan skop projek tanpa mendapatkan kelulusan MYCV
- B. Merendahkan atau merosakkan reputasi MYCV dan KKD secara langsung atau tidak langsung
- C. Gagal menyiapkan projek berdasarkan keputusan Jawatankuasa Milestone
- D. Melanggar terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam perjanjian

### 8. Bagaimanakah anda akan menerima pembiayaan?

Penyaluran dana yang diluluskan akan dibuat secara berperingkat tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa *Milestone*. Dana akan disalurkan terus ke dalam akaun syarikat yang didaftarkan semasa permohonan

### 9. Siapakah yang anda boleh hubungi untuk sebarang pertanyaan?

Sila emailkan kepada [dkd@mycreative.com.my](mailto:dkd@mycreative.com.my)

**SOALAN LAZIM TENTANG DANA KANDUNGAN DIGITAL**

Lampiran 1

**CARTA ALIR PENGURUSAN DANA KANDUNGAN DIGITAL**

